

06/10/2003

Angkasawan negara dipilih tahun depan

Wan Jailani Razak; Suffian A Bakar

LANGKAWI: Agensi Angkasa Negara (NSA) berharap ramai rakyat tempatan pelbagai latar belakang, profesion dan jantina memohon menjadi angkasawan pertama negara menerusi program yang dirangka bersama Malaysia dan Russia.

Ketua Pengarah NSA, Profesor Datuk Dr Mazlan Othman, berkata pengumuman mengenai pemilihan dan proses penghantaran borang kepada satu jawatankuasa khas dibentuk kerajaan dijangka dilakukan tahun depan.

"Hanya dua daripada lebih 23 juta rakyat Malaysia yang bertuah akan dipilih sebagai angkasawan pertama negara dan mengikuti program intensif teknologi angkasa lepas di Russia.

"Dua bakal angkasawan negara itu pula akan menjalani latihan sekurang-kurangnya 18 bulan di pusat latihan angkasa lepas pengeluaran pesawat canggih, Sukhoi sebelum diberi lampu hijau mendarat ke stesen angkasa Russia," katanya.

Beliau berkata demikian di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), Lima `03, semalam.

Walaupun hanya dua yang akan terpilih, NSA mengharapkan ramai rakyat tempatan tampil kerana pemilihan rapi perlu diadakan, katanya.

Dr Mazlan berkata, pemilihan itu tidak mengira bangsa, pekerjaan atau jantina dan sebaliknya NSA lebih mengutamakan mereka yang datang dari pelbagai latar belakang.

"Kelayakan akademik tidak akan menjadi syarat utama sebaliknya mengutamakan kesihatan fizikal dan mental.

"Apa yang penting sekarang, kita mampu melahirkan angkasawan untuk membawa Malaysia ke angkasa," katanya.

NSA akan menyediakan borang khas sama ada menerusi internet atau media cetak dan elektronik untuk mencari angkasawan itu, katanya.

Mazlan menjelaskan, sekurang-kurangnya tiga saringan peringkat awal akan dilakukan ke atas semua permohonan di NSA bagi memilih dua bakal angkasawan mengikuti latihan di Russia.

Apabila berada di angkasa, angkasawan Malaysia akan belajar daripada pakar angkasa Russia di stesen angkasa pelbagai negara.

Hingga kini, persefahaman angkasawan Malaysia hanya boleh terjalin bila berada di stesen angkasa Russia.

Katanya, Malaysia kini memang sudah bersedia menghantar angkasawan ke angkasa lepas selepas ilham pertama disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 1985.

NSA merancang melatih ramai angkasawan Malaysia seperti dilakukan Amerika Syarikat, pada masa depan. Di negara itu kini ada 200 angkasawan dan boleh dihantar ke angkasa lepas pada bila-bila masa, katanya.